

The INEOS logo is displayed in a white, sans-serif font. The 'O' is stylized as a circle with a horizontal line through its center. The background of the entire page is a photograph of two workers in blue protective suits and helmets walking up a metal staircase on an industrial site. A large white storage tank is on the left, and the sun is shining brightly in a blue sky with scattered clouds in the upper right.

# INEOS

TATAKELAKUAN  
INEOS

TARIKH KELUARAN 2019





# INEOS

## PRINSIP / PENGENALAN

INEOS komited untuk beroperasi sebagai sebuah warga korporat bertanggungjawab dan mematuhi semua undang-undang tempatan, kebangsaan dan antarabangsa. Misi kami adalah untuk menjadi peneraju dalam industri kami dan sentiasa meningkatkan prestasi kami, namun dalam berbuat sedemikian, kami akan tidak akan berkompromi dengan standard alam sekitar, kesihatan dan keselamatan kami atas apa jua sebab, termasuk atas dasar keuntungan, komersil atau pengeluaran. Bagi membantu kami mendukung komitmen ini, Tatakelakuan ini menentukan dan meringkaskan, dalam satu rangka kerja sejagat, apa yang kami jangkakan daripada Perniagaan dan warga kerja tanpa mengira lokasi dan latar belakang.

INEOS menjalankan perniagaan di seluruh dunia dan ia bermaksud pekerja kami tertakluk kepada undang-undang dan peraturan banyak negara dan organisasi yang berbeza. Setiap pekerja bertanggungjawab untuk mengetahui dan mematuhi undang-undang yang dikenakan kepada kami di tempat kami bekerja. Tatakelakuan ini mewujudkan prinsip perlakuan perniagaan yang diguna pakai di seluruh INEOS, tanpa mengira lokasi. Apabila perbezaan wujud akibat daripada adat, norma, undang-undang atau peraturan tempatan, pekerja hendaklah menggunakan sama ada Tatakelakuan ini atau keperluan tempatan – yang mana sahaja menetapkan standard kelakuan lebih tinggi. Sekurang-kurangnya, kami menjangkakan semua pekerja kami untuk memastikan diri mereka mematuhi standard etika tertinggi, integriti, keterbukaan dan akauntabiliti dalam cara mereka menjalankan perniagaan.

INEOS komited untuk memelihara hak asasi manusia sebagai prinsip asas dan memastikan bahawa perlakuan semua pekerja adalah selari dengan standard hak asasi manusia yang dipersetujui di peringkat antarabangsa dan juga standard buruh teras dan sosial. Secara khusus, INEOS tidak akan terlibat dalam dan tidak akan bertolak ansur dengan mana-mana pelanggan, pembekal, pengedarnya atau orang lain yang menjalankan perniagaan dengan kami, melibatkan kanak-kanak atau buruh paksa, perhambaan atau apa-apa jenis pemerdagangan manusia. Pernyataan Ketelusan Perhambaan Moden kami boleh dilihat di laman web INEOS [www.ineos.com/information/anti-slavery-act/](http://www.ineos.com/information/anti-slavery-act/)

Sebagai tambahan, melindungi data peribadi pelanggan, pembekal dan pekerja kami adalah keutamaan kami dan kami melakukannya dalam pematuhan penuh dengan peraturan semasa (contohnya General Data Protection Regulation (Peraturan Perlindungan Data Umum) atau singkatannya GDPR).

Tatakelakuan ini mempunyai dua tujuan utama:

- i) Menggalakkan setiap pekerja bertanggungjawab terhadap tindakan beliau dan menyediakan mereka dengan panduan yang berkenaan.
- ii) Menggariskan prinsip beretika yang membimbing kegiatan perniagaan INEOS.

## CONTENTS

|     |                                                             |
|-----|-------------------------------------------------------------|
| 1   | KESIHATAN, KESELAMATAN, KEAMANAN & ALAM SEKITAR             |
| 2   | PERSAINGAN & SEKATAN                                        |
| 2.1 | Persaingan (Antitrust)                                      |
| 2.2 | Sekatan Perdagangan, Kawalan Eksport & Undang-undang Boikot |
| 3   | TADBIR URUS                                                 |
| 3.1 | Rasuah & Sogokan                                            |
| 3.2 | Urusan Orang Dalam                                          |
| 3.3 | Hadiah & Hiburan                                            |
| 3.4 | Konflik Kepentingan                                         |
| 4   | KERAJAAN & KOMUNITI                                         |
| 4.1 | Berurusan dengan Kerajaan                                   |
| 4.2 | Kegiatan Politik                                            |
| 5   | INTEGRITI KEWANGAN DAN ASET SYARIKAT                        |
| 5.1 | Integriti Kewangan & Operasi                                |
| 5.2 | Aset Syarikat                                               |
| 5.3 | Pengubahan Wang Haram                                       |
| 5.4 | Harta Intelek                                               |
| 6   | SUMBER MANUSIA                                              |
| 6.1 | Layanan Adil dan Peluang Pekerjaan Saksama                  |
| 6.2 | Antigangguan                                                |
| 6.3 | Kelakuan Peribadi                                           |
| 6.4 | Speak Up! Service                                           |
| 7   | PENGGUNAAN & KESELAMATAN SISTEM DIGITAL                     |
| 8   | PELANGGARAN KOD                                             |



## 1. KESIHATAN, KESELAMATAN, KEAMANAN & ALAM SEKITAR

INEOS komited untuk melindungi dan mengekalkan kualiti alam sekitar dan menggalakkan kesihatan dan keselamatan pekerja, kontraktor, pembekal, pelanggan, pelawat dan komuniti di tempat kami beroperasi. Kami akan sentiasa meningkatkan prestasi SHE (Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar) kami dan tidak berkompromi dengan SHE kami atas apa jua sebab, termasuk atas dasar keuntungan, komersil atau pengeluaran.

Pematuhan dengan semua undang-undang yang dicadangkan untuk melindungi warga kerja, harta dan persekitaran merupakan salah satu keutamaan asas Syarikat dan diguna pakai kepada produk kami dan juga proses kami. Pengurusan akan mengamalkan kepimpinan melalui teladan dan memperuntukkan sumber yang diperlukan untuk mencapai kecemerlangan dalam prestasi SHE.

Pekerja dijangkakan untuk menghalang diri daripada perlakuan yang mungkin berbahaya kepada orang lain. Semua individu, kumpulan individu atau kegiatan yang mencurigakan perlu segera dilaporkan kepada pengurus anda atau ahli pengurusan yang lain.

Pekerja tidak boleh meletakkan diri mereka dalam bahaya.

Setiap pekerja kami berkongsi tanggungjawab untuk melindungi orang, harta dan persekitaran di kawasan kerja beliau dan dijangkakan untuk mematuhi sepenuhnya semua undang-undang, peraturan berkenaan dan dasar, garis panduan, standard dan prosedur Syarikat mengenai perlindungan alam sekitar atau loji atau keselamatan proses. Setiap pengurus mempunyai tugas untuk memberi arahan, menyelia dan menyokong pekerja beliau dalam memenuhi tanggungjawab ini. Dalam bidang di mana tidak terdapat peraturan SHE atau garis panduan atau standard Syarikat, pekerja hendaklah membuat keputusan berdasarkan pertimbangan terbaik mereka sendiri dalam keadaan yang selari dengan prinsip yang ditetapkan di dalam Tatakelakuan ini, apabila perlu, berunding dengan pengurus mereka.

Kami adalah penjaga persekitaran kami dan menyokong konsep kemampanan. Setiap pekerja bertanggungjawab untuk menyediakan kepimpinan kepada kontraktor dan pekerja lain supaya kita semua memahami tanggungjawab kita dan mendapat sokongan perlu untuk menggabungkan prinsip dan standard ini ke dalam kerja kita. Setiap pekerja hendaklah menguruskan kerja mereka supaya semua insiden yang boleh memudaratkan warga kerja, harta atau alam sekitar boleh dicegah atau dielakkan.

**“20 Prinsip” SHE dan “Peraturan Menyelamat Nyawa”** boleh dilihat melalui [ineos.intranet.ineos.com/she/our-she-policy/](https://ineos.intranet.ineos.com/she/our-she-policy/)







## 2. PERSAINGAN & SEKATAN

### 2.1 Persaingan (Antitrust)

Persaingan sengit, bebas daripada pakatan sulit dan sekatan tidak munasabah adalah mekanisme paling berkesan untuk memastikan bahawa INEOS menghasilkan produk dan perkhidmatan kualiti tinggi dan dengan harga berpatutan. Lebih-lebih lagi, kegagalan untuk mematuhi undang-undang persaingan, antitrust dan peraturan perdagangan lain di mana kami menjalankan perniagaan boleh menimbulkan akibat serius, sama ada untuk INEOS dan juga individu yang bersalah, termasuk hukuman sivil dan jenayah yang ketara. Oleh itu, kami akan membuat keputusan perniagaan secara bebas, membeli bahan mentah daripada pihak lain dan menjual produk kami secara adil dan jujur atas asas harga, kualiti dan perkhidmatan. Semua pekerja kami sentiasa dilatih mengenai peraturan, dilarang daripada memasuki mana-mana perbincangan, perjanjian atau persefahaman rasmi atau tidak rasmi dengan pesaing yang boleh menyekat persaingan. Undang-undang persaingan adalah asas kepada sistem perusahaan bebas dan pelanggaran boleh mengakibatkan sekatan sivil dan jenayah yang serius. Setiap pekerja bertanggungjawab untuk membiasakan diri dengan dan mematuhi undang-undang persaingan yang berkaitan dengan peranan mereka dan perniagaan kami. Jika terdapat sebarang keraguan tentang sama ada mana-mana transaksi atau urusan perlakuan adalah sah, pekerja hendaklah segera menghubungi pengurus terdekat mereka, Pengurus Pematuhan mereka, atau Jabatan Undang-undang untuk mendapatkan bantuan.

### 2.2 Sekatan Perdagangan, Kawalan Eksport & Undang-undang Boikot

Pelbagai undang-undang perdagangan kebangsaan dan antarabangsa i) menyekat atau menghalang pengimportan, pengeksporan atau perdagangan barangan dalam negara, teknologi atau perkhidmatan, ii) urusan dengan produk khusus atau iii) transaksi modal atau pembayaran. Sekatan dan larangan ini mungkin bergantung pada sifat barangan, negara asal atau kegunaan akhir, atau identiti pelanggan atau pembekal.

Hukuman serius termasuk denda, pembatalan permit untuk mengekspor dan hukuman penjara boleh dikenakan apabila undang-undang ini dilanggar. Senarai negara-negara larangan/terhad dan sekatan berkaitan disimpan dan dikekalkan secara tetap oleh jabatan Perbendaharaan Kumpulan. Jika kerja mereka melibatkan jualan atau penghantaran produk, teknologi atau perkhidmatan merentasi sempadan antarabangsa, pekerja hendaklah memastikan bahawa mereka mengikuti perkembangan terkini berhubung peraturan dan sekatan, serta mereka menyemak dengan pakar undang-undang luar sebagaimana dikehendaki.

Sila ambil perhatian bahawa Transaksi dengan Negara Terhad adalah tertakluk kepada Manual Kuasa Diwakilkan.



### 3. TADBIR URUS

#### 3.1 Rasuah & Sogokan

Pembayaran rasuah, sogokan atau pembayaran lain kepada kakitangan kerajaan dan pegawai lain, serta kepada pembekal dan pelanggan, atau permintaan atau pengumpanan, tawaran atau janji dalam wang tunai atau bukan wang untuk mendapatkan atau mengekalkan perniagaan atau sebaliknya memperoleh kelebihan untuk INEOS, adalah dilarang ketat, tanpa mengira sama ada pembayaran atau tawaran tersebut dibuat secara langsung atau tidak langsung. Rasuah, sogokan dan pembayaran balik termasuk, tanpa had, hadiah selain daripada nilai nominal, pembayaran wang tunai oleh pekerja atau pihak ketiga (misalnya ejen, pembekal, pelanggan atau perunding), kegunaan tidak terpampas perkhidmatan, kemudahan atau harta INEOS (melainkan apabila mungkin dibenarkan secara rasmi oleh pekerja INEOS yang berkenaan dan ditetapkan) serta pinjaman, jaminan pinjaman atau lanjutan kredit lain. Dasar ini tidak melarang perbelanjaan atau resit (i) jumlah di bawah program pemasaran sah di sisi undang-undang yang dibenarkan oleh CEO Perniagaan atau lantikan beliau, (ii) lanjutan terma pembayaran biasa di bawah kontrak bertulis atau (iii) jumlah nominal bagi makanan dan hiburan pembekal dan pelanggan yang merupakan perbelanjaan perniagaan biasa dan adat, jika ia sebaliknya sah di sisi undang-undang.

#### 3.2 Urusan Orang Dalam

Urusan Orang Dalam (penyalahgunaan pasaran) adalah dilarang ketat oleh undang-undang dan mana-mana pekerja INEOS tidak boleh terlibat dalam transaksi sekuriti semasa dalam pemilikan “maklumat dalaman” (iaitu apa-apa maklumat berkaitan syarikat yang tidak tersedia kepada orang awam, di mana pelabur yang munasabah berkemungkinan akan menggunakannya sebagai sebahagian daripada asas keputusan pelaburan beliau berhubung dengan sekuriti syarikat tersebut).

Mana-mana pekerja INEOS tidak boleh mendedahkan apa-apa maklumat dalaman kepada mana-mana pihak ketiga melainkan apabila dibenarkan dengan wajar untuk berbuat sedemikian.

Walaupun INEOS adalah bukan sebuah syarikat tersenarai, larangan pendedahan ini dan perdagangan atas asas, maklumat dalaman, juga diguna pakai kepada maklumat dalaman berkaitan dengan syarikat lain yang telah diperoleh dalam tempoh kerja pekerja di INEOS.

Dalam mematuhi peraturan Penyalahgunaan Pasaran, Syarikat menyimpan dan mengekalkan “Senarai Orang Dalam”.

#### 3.3 Hadiah & Hiburan

Dasar di bawah merujuk kepada hadiah dan hiburan yang diberikan kepada / oleh pihak atau individu luar (iaitu bukan INEOS):

Pertukaran hadiah dan hiburan boleh membina nama baik dalam hubungan perniagaan, namun sesetengah

hadiah boleh mewujudkan pengaruh tidak wajar (atau gambaran pengaruh tidak wajar). Sesetengahnya boleh dilihat sebagai rasuah yang melanggar undang-undang atau mencalar reputasi INEOS untuk urusan adil. Hadiah dan hiburan bermaksud apa-apa nilai (contohnya diskaun, pinjaman, terma memihak ke atas mana-mana produk atau perkhidmatan, perkhidmatan, hadiah, pengangkutan, penggunaan lain-lain kenderaan syarikat, penggunaan kemudahan percutian, saham atau sekuriti lain, penyertaan dalam tawaran sekuriti, penambahbaikan rumah, tiket dan sijil hadiah dan sebagainya).

Hiburan berkaitan perniagaan yang munasabah adalah boleh diterima apabila ia menjadi adat, tidak berlebihan dan secara keseluruhan demi kepentingan terbaik INEOS untuk menyertainya. Hadiah wang tunai, setara wang tunai atau barangan berharga lain (contohnya logam berharga atau batu permata, barang kemas dan sebagainya) tidak boleh ditawarkan atau diterima di bawah apa jua keadaan. Hadiah lain mungkin ditawarkan apabila ia wajar dengan hubungan yang terlibat, secara keseluruhan demi kepentingan terbaik INEOS dan yang mematuhi dasar terhadap rasuah dan sogokan yang diterangkan di atas. Dasar khusus mengenai nilai dan kewajaran hadiah ditakrifkan secara berasingan oleh setiap perniagaan. Jika ada sebarang keraguan, pekerja hendaklah merujuk kepada Pengurus Pematuhan mereka. Setiap perniagaan hendaklah mengekalkan Daftar Hadiah di mana semua hadiah hendaklah didaftarkan.

Hadiah, hiburan atau pertolongan tidak boleh ditawarkan kepada mana-mana ahli politik, parti politik, kakitangan kerajaan, pegawai kerajaan, calon untuk jawatan awam atau ahli atau pekerja atau mana-mana ahli keluarga terdekat mereka bagi mana-mana badan kawal selia atau lain-lain perantaraan kerajaan.

#### 3.4 Konflik Kepentingan

Pekerja hendaklah bertindak pada setiap masa berdasarkan kepentingan terbaik Syarikat dan mengelakkan mewujudkan atau mengekalkan kepentingan peribadi yang boleh menimbulkan, atau kelihatan menimbulkan, konflik dengan kepentingan INEOS atau yang mungkin mempengaruhi, atau kelihatan mempengaruhi, pertimbangan mereka dalam prestasi tugas mereka.

Konflik kepentingan termasuk mendapatkan keuntungan peribadi dengan menggunakan Syarikat, terlibat dalam atau membantu dalam kegiatan yang bersaing dengan Syarikat, memegang kepentingan kewangan dalam pelanggan, pesaing atau pembekal Syarikat di mana kepentingan tersebut membenarkan pekerja untuk mempengaruhi pengurusan entiti tersebut atau boleh mempengaruhi pekerja apabila berurusan dengan pelanggan, pesaing atau pembekal bagi pihak Syarikat, serta menggunakan kedudukan mereka untuk mempengaruhi pekerja, gaji atau prospek saudara.







## 4. KERAJAAN & KOMUNITI

### 4.1 Berurusan dengan Kerajaan

Pekerja hendaklah mendapatkan kebenaran daripada pengurus mereka dan jabatan Komunikasi Kumpulan sebelum sebarang hubungan bukan rutin dibuat dengan pegawai atau kakitangan kerajaan. Hubungan bukan rutin ialah sebarang hubungan yang tidak diperlukan sebagai sebahagian daripada proses atau pelaporan biasa kerajaan.

Jika seseorang pekerja mempunyai hubungan dengan pegawai kerajaan semasa kerja mereka, atau diminta untuk menyediakan maklumat berhubung dengan pertanyaan atau penyiasatan kerajaan atau agensi kawal selia, mereka hendaklah memastikan bahawa apa-apa maklumat yang diberikan adalah jujur dan tepat dan bahawa kepentingan sah INEOS dilindungi. Pekerja perlu sentiasa mendapatkan kelulusan daripada jabatan Perniagaan mereka atau Komunikasi Kumpulan sebelum menyertai mana-mana perbincangan dengan Kerajaan atau menjawab kepada permohonan untuk maklumat daripada kerajaan atau agensi kawal selia. Pekerja yang dikehendaki sebagai sebahagian daripada kerja mereka untuk berurusan dengan kerajaan bagi menyediakan komunikasi luar adalah dijangkakan untuk mematuhi Manual Kuasa Diwakilkan.

### 4.2 Kegiatan Politik

Secara umumnya, INEOS tidak terlibat secara langsung dalam kegiatan politik. CEO Perniagaan hendaklah meluluskan apa-apa sumbangan politik oleh Syarikat. Walau bagaimanapun, Syarikat akan terus terlibat dalam debat dasar mengenai perkara kebimbangan sah kepada INEOS, para pekerjanya dan komuniti di tempat kami beroperasi, oleh proses-proses misalnya melobi. Kegiatan melobi bagi pihak kepentingan INEOS dikawal ketat oleh undang-undang. Jabatan Komunikasi Kumpulan bertanggungjawab terhadap kegiatan ini.

Pekerja INEOS yang mewakili Syarikat dalam perkara politik dan kerajaan hendaklah mematuhi semua undang-undang berkenaan yang mengawal penyertaan korporat dalam hal ehwal awam (contohnya dalam menggunakan pengaruh politik atau membuat sumbangan kempen).

INEOS mengiktiraf dan menghormati setiap hak pekerja untuk terlibat sebagai individu dalam proses politik. Walau bagaimanapun, mereka tidak boleh semasa tempoh pekerjaan mereka menggunakan masa, harta atau peralatan Syarikat untuk melaksanakan atau menyokong kegiatan politik peribadi mereka dan mereka hendaklah berhati-hati agar tidak mewujudkan tanggapan bahawa mereka mewakili kepentingan Syarikat sewaktu terlibat dalam proses politik.



## 5. INTEGRITI KEWANGAN DAN ASET SYARIKAT

Semua pekerja di INEOS mempunyai tanggungjawab dan juga kewajipan undang-undang, bagi melindungi harta fizikal, harta intelek dan aset kewangan Syarikat. Pekerja perlu mematuhi semua undang-undang dan peraturan berkenaan (termasuk Prinsip Perakaunan Yang Diterima Secara Umum / Piawaian Kewangan Antarabangsa) dalam setiap bidang kuasa di tempat mereka beroperasi. Mereka akan berterus terang dan telus mengenai operasi dan prestasi mereka, tepat dalam merekodkan dan melaporkan data dan hasil serta berhati-hati dalam penggunaan aset dan sumber Syarikat.

### 5.1 Integriti Kewangan & Operasi

Setiap pekerja INEOS hendaklah mematuhi semua undang-undang, peraturan perakaunan yang diterima, prosedur dan had kebenaran khusus di dalam Manual Kuasa Diwakilkan kami yang dikeluarkan pada setiap masa. Semua transaksi hendaklah dibenarkan dengan sewajarnya dan direkodkan sepenuhnya. Kemasukan atau dokumen tidak boleh dipalsukan atau mengelirukan dan tiada akaun, dana atau aset yang tidak didedahkan atau tidak direkodkan mungkin diwujudkan atau dikekalkan. Pembayaran korporat tidak boleh diminta, diluluskan atau dibuat dengan niat bahawa mana-mana bahagian pembayaran sedemikian akan digunakan untuk sebarang tujuan selain daripada yang diterangkan di dalam dokumen yang menyokong pembayaran. Semua maklumat yang dibekalkan kepada juruaudit hendaklah lengkap dan tidak mengelirukan.

Syarikat tidak akan sengaja membantu kegiatan penipuan oleh orang lain. Mana-mana pekerja yang mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa kegiatan penipuan sedang berlaku, sama ada di dalam Syarikat atau oleh orang lain yang menjalankan perniagaan dengan kami, hendaklah segera melaporkannya kepada pengurus terdekat mereka atau jabatan Undang-undang Kumpulan. Untuk butiran lanjut, pekerja boleh merujuk kepada Manual Kuasa Diwakilkan.

INEOS komited terhadap pematuan dengan semua undang-undang yang berkaitan dan berkenaan. Ini

adalah bahagian penting komitmen kami terhadap komuniti dan pihak berkepentingan.

### 5.2 Aset Syarikat

Setiap pekerja INEOS dijangka melindungi aset INEOS dan aset pembekal, penyedia perkhidmatan dan pelanggan kami. Semua maklumat mengenai pembekal, penyedia perkhidmatan dan pelanggan tersebut, serta apa-apa butiran mengenai hubungan perniagaan akan dianggap sebagai aset. Pekerja hendaklah sentiasa melindungi aset Syarikat seolah-olah aset tersebut milik mereka: melindungi daripada penyalahgunaan, kerugian, buangan, penipuan atau kecurian. Harta ini termasuk wang yang didahulukan oleh Syarikat kepada pekerja dan apa-apa perjalanan dan hiburan syarikat, perolehan atau kad kredit syarikat yang dipegang oleh mereka. Pekerja hendaklah memastikan bahawa semua tuntutan, bil dan invoice adalah tepat dan diserahkan tepat pada waktunya.

### 5.3 Pengubahan Wang Haram

INEOS tidak membiarkan, membenarkan, memudahkan atau menyokong pengubahan wang haram. Pengubahan wang haram adalah proses di mana individu atau entiti mencuba untuk menyembunyikan wang haram atau sebaliknya mencuba untuk menjadikan wang ini nampak sah. Amalan-amalan ini mungkin terdiri daripada penyelewengan dalam cara pembayaran dibuat, misalnya permintaan untuk pembayaran kepada entiti atau individu selain daripada pembekal atau pelanggan atau kepada negara berbeza daripada lokasi pembekal atau pelanggan, atau mungkin berlaku apabila pelanggan kelihatan kurang integriti dalam operasi mereka. Jika ada keraguan tentang keizinan transaksi kewangan berhubung dengan pemindahan tunai, Jabatan Kewangan Perniagaan berkaitan perlu dirujuk pada peringkat awal.

### 5.4 Harta Intelek

Di INEOS, kami sentiasa mengeluarkan maklumat perniagaan yang berharga, idea bukan awam, strategi jenis harta intelek lain yang kami miliki dan perlu lindungi. Pelbagai undang-undang membantu kami melindungi maklumat ini daripada penggunaan oleh pihak

luar. Sebagai tambahan, setiap pekerja bertanggungjawab untuk melindungi dan memelihara harta intelek INEOS. Kewajipan ini diguna pakai di sepanjang tempoh pekerjaan mereka bersama INEOS dan juga berterusan selepas tamat pekerjaan mereka di INEOS. Adakalanya, pekerja mungkin perlu berkongsi harta intelek dengan pihak ketiga, tetapi ini hanya boleh dilakukan selepas mendapat kelulusan menurut Manual Kuasa Diwakilkan dan di bawah perjanjian kerahsiaan bertulis. Setiap pekerja bertanggungjawab terhadap pemahaman dan pematuan dengan sekatan dan kewajipan yang dikenakan ke atas mereka oleh perjanjian kerahsiaan. Jika harta intelek telah dilesenkan kepada Syarikat, pendedahan kepada pihak ketiga akan dilarang oleh perjanjian lesen. Seperti mana kami melindungi maklumat perniagaan, kami juga komited untuk menghormati harta intelek dan maklumat orang lain yang dilindungi.

Harta intelek termasuk yang berikut:

- Paten
- Pengetahuan
- Rahsia dagangan
- Rumusan dan resipi produk
- Keadaan dan reka bentuk pengendalian proses
- Hak Cipta
- Tanda dagangan dan tanda perkhidmatan

Jenis maklumat perniagaan sulit lain termasuk:

- Jualan, pemasaran dan pangkalan data korporat lain
- Strategi dan pelan pemasaran
- Data penyelidikan dan teknikal
- Idea, proses, cadangan atau strategi perniagaan
- Pembangunan produk baharu
- Perisian yang dibeli atau dibangunkan oleh Syarikat
- Maklumat yang digunakan dalam kegiatan perdagangan termasuk strategi penentuan harga, pemasaran dan pelanggan.

Jika pekerja mempunyai pertanyaan tentang perlindungan atau pendedahan harta intelek Syarikat, mereka harus menghubungi Setiausaha Syarikat Kumpulan.







## 6. SUMBER MANUSIA

Di INEOS, kami komited untuk memelihara tempat kerja yang selamat, profesional dan menyokong kerja berpasukan dan kepercayaan. Semua orang yang bekerja untuk INEOS menyumbang kepada kejayaan kami dan mencapai misi kami untuk menjadi peneraju dalam industri dan sentiasa meningkatkan perniagaan kami. Dengan bekerjasama dan mencungkil bakat dan perspektif kami yang luas, kami akan terus merangsang peluang baharu dan kreatif untuk perniagaan kami. Kami komited untuk mencipta dan mengekalkan persekitaran kerja kepercayaan bersama di mana semua pekerja dilayan dengan hormat dan maruah, diberi pampasan secara adil berdasarkan keadaan pasaran tempatan dan layak untuk waktu kerja yang memadai.

### 6.1 Layanan Adil dan Peluang Pekerjaan Saksama

INEOS ialah sebuah syarikat global. Kami menghargai kepelbagaian warga kerja kami dan setiap pekerja kami diiktiraf sebagai ahli penting pasukan kami. Kami menghormati hak, nilai dan maruah semua pekerja, pelanggan, kontraktor, vendor dan pihak berkepentingan lain. Kita semua mempunyai tugas untuk memastikan bahawa keputusan kita berhubung pengambilan, pemilihan, pembangunan dan kenaikan pangkat pekerja adalah berdasarkan merit, kelayakan, kemahiran dan pencapaian yang ditunjukkan. Kami mengamalkan prinsip peluang saksama tanpa mengambil kira bangsa, warna kulit, agama, jantina, umur, negara asal, orientasi seksual, identiti jantina, taraf perkahwinan, ketidakupayaan atau gabungan politik. Kami tidak akan membenarkan bangsa, agama, jantina, umur, negara asal, orientasi seksual, identiti jantina, taraf perkahwinan, ketidakupayaan atau gabungan politik mempengaruhi pertimbangan atau layanan kami terhadap orang lain.

### 6.2 Antigangguan

Di INEOS, kami percaya dalam tanggungjawab bersama semua pekerja bagi melaksanakan prinsip asas ihsan, hormat dan maruah dalam semua hubungan kerja. Syarikat mempunyai dasar toleransi sifar bagi tingkah laku merendahkan, menyerang, mengganggu atau mendiskriminasi di mana-mana tempat kerja Syarikat, terhadap pekerja, kontraktor, pembekal, pelanggan atau pihak lain. Mana-mana pekerja yang terlibat dalam tingkah laku kesat atau mengganggu akan berhadapan dengan tindakan tatatertib, sehingga dan termasuk pemecatan serta-merta.

### 6.3 Kelakuan Peribadi

Para pekerja dijangkakan pada setiap masa sama ada berurusan secara dalaman atau luaran, untuk berkelakuan secara profesional dan melayan orang lain dengan hormat dan juga sejajar dengan undang-undang tempatan serta peraturan dan dasar Syarikat. Kepentingan atau kecenderungan peribadi tidak boleh bercanggah dengan jangkaan Syarikat terhadap kelakuan pekerja pada bila-bila masa.

Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada:-

- Menghormati kerahsiaan tersirat dijangka dalam sama ada peranan profesional atau kekananan berhubung dengan akses kepada maklumat atau data.
- Tidak terlibat dengan atau menggalakkan perkongsian maklumat sulit.
- Melayan semua pekerja dengan maruah dan hormat serta tidak terlibat dalam apa-apa kelakuan yang boleh dianggap sebagai gangguan, membuli atau diskriminasi.

Para pekerja digalakkan untuk membincangkan sebarang kebimbangan mereka berhubung kelakuan peribadi dengan individu yang berkaitan, pengurus terdekat atau HR atau jika tidak boleh dilakukan, menggunakan perkhidmatan "Speak-Up!" (Bersuara) INEOS.

### 6.4 Speak Up! Service

INEOS komited terhadap persekitaran di mana komunikasi terbuka dan jujur adalah jangkaan, bukannya pengecualian. Kami mahu pekerja berasa selesa dalam mendekati pengurus terdekat mereka atau pengurusan lain jika mereka percaya INEOS atau individu tertentu yang bertindak bagi pihak INEOS berkelakuan tidak beretika atau tidak senonoh. Walau bagaimanapun, jika mereka memilih untuk secara tidak langsung melaporkan apa-apa perkara serius bagi kelakuan tidak beretika atau tidak senonoh, mempercayainya akan mewujudkan isu serius bagi INEOS, mereka boleh berbuat sedemikian pada bila-bila masa melalui saluran Speak Up! (Bersuara!) kami Service, yang disediakan untuk kakitangan, melalui pihak ketiga bebas (NAVEX Global), boleh diakses melalui nombor telefon bebas tol yang tersedia dalam kebanyakan bahasa, atau melalui internet (dalam bahasa Inggeris).

Service disokong oleh Speak Up! Dasar yang disediakan bersama-sama dokumen lain termasuk Frequently Asked Questions ("Soalan Kerap Ditanya, atau singkatannya FAQ"), dalam pelbagai bahasa di Intranet dan internet INEOS.

Sila baca ini sebelum mengakses perkhidmatan melalui pautan berikut:

Intranet: [ineos.intranet.ineos.com/speakup](https://ineos.intranet.ineos.com/speakup)  
Internet: [www.ineos.com/speakup](https://www.ineos.com/speakup)

Apa-apa maklumat yang diberikan oleh pekerja akan disimpan dengan penuh keyakinan hingga takat dibenarkan oleh undang-undang dan hanya akan didedahkan bagi tujuan penyiasatan laporan. Pekerja boleh memilih untuk mengenal pasti diri mereka dalam laporan atau melaporkan secara tanpa nama, dengan jaminan INEOS bahawa rungutan akan diambil tindakan.



## 7. PENGGUNAAN & KESELAMATAN SISTEM DIGITAL

INEOS mengiktiraf nilai teknologi dalam penyampaian objektif perniagaan. Oleh itu, Syarikat berhasrat untuk menggalakkan para pekerja untuk mengembangkan kemahiran sistem maklumat dan penggunaan sistem teknologi maklumat yang sesuai. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama, kita perlu melindungi integriti perniagaan terhadap penggunaan sistem maklumat yang tidak boleh diterima atau menyalahi undang-undang. Penggunaan sistem sedemikian hendaklah selaras dengan nilai hormat dan tanggungjawab Syarikat. Kegunaan peribadi sistem sedemikian dibenarkan atas sebab yang wajar. Walau bagaimanapun, dalam apa jua keadaan kegunaan peribadi sistem sedemikian tidak boleh berlebihan, melanggar mana-mana dasar lain, mengganggu prestasi tanggungjawab kerja pekerja atau sebaliknya boleh merosakkan atau memudaratkan perniagaan, urusan atau reputasi INEOS. Mereka yang menggunakan sistem kita dijangka untuk berbuat sedemikian secara bertanggungjawab dan hendaklah mematuhi dasar ini dan mana-mana dasar Kegunaan Boleh Diterima yang mungkin dikeluarkan oleh Syarikat.

Sistem digital dan maklumat INEOS, serta semua e-mel, mel suara dan pesanan ringkas serta semua maklumat lain dan data yang dicipta oleh, dihantar melalui atau disimpan di dalam sistem ini, adalah dan akan kekal pada setiap masa hak milik eksklusif Syarikat. Jika pekerja mempunyai pertanyaan berkaitan penggunaan wajar internet atau e-mel, mereka harus menghubungi sokongan IT di tempat mereka atau Jabatan Undang-undang.

Semua pekerja INEOS dikehendaki mematuhi **“Sepuluh peraturan keselamatan IT”**.

## 8. PELANGGARAN KOD

Tatakelakuan ini adalah bahagian penting bagi perhubungan pekerjaan pekerja dengan Syarikat. Pelanggaran harus dilaporkan kepada pengurus terdekat pekerja dengan segera dalam keadaan yang mematuhi undang-undang tempatan. Jika atas sebarang sebab pekerja berasa tidak dapat memaklumkan kepada pengurus terdekat, mereka harus bercakap dengan pengurus kanan lain, Pengurus HR mereka atau jabatan Undang-undang Kumpulan atau, jika berkenaan, dengan menghubungi nombor hotline “Speak Up” (Bersuara). Hukuman tidak akan dibenarkan terhadap mana-mana individu yang melaporkan pelanggaran Tatakelakuan ini dengan niat baik. Semua laporan akan segera disiasat dan tindakan pembetulan dan tata tertib yang wajar akan diambil bagi menghalang salah laku dan menggalakkan akauntabiliti bagi kepatuhan kepada Tatakelakuan ini.

Perhatian: Tatakelakuan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan dasar dan prosedur INEOS yang lain, yang menyediakan panduan tambahan dan hala tuju dan tersedia kepada kakitangan INEOS di Intranet INEOS.







# INEOS